

21 JUN 2001

Mahathir-Media

DR MAHATHIR BIDAS MEDIA ASING KERANA LAPORAN BERAT SEBELAH

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberitahu berpuluh-puluh wartawan asing yang membuat liputan perhimpunan agung Umno supaya melaporkan apa yang benar mengenai Malaysia.

"Beritahu mereka apa yang benar. Beritahu mereka yang Malaysia ialah sebuah negara yang mengagumkan, aman dan ramai yang datang mencari wang di sini. Datanglah ke Malaysia dan melabur...lawat Malaysia. Beritahu mereka apa yang benar," kata beliau.

Perdana Menteri mengingatkan media yang mereka mempunyai tanggungjawab kepada para pelanggan mereka dan pembaca laporan mereka kerana keputusan-keputusan akan dibuat berdasarkan kepada laporan-laporan ini.

"Dan apabila anda memberitahu mereka sesuatu yang tidak benar, mereka membuat keputusan salah dan mereka rugi," kata beliau dalam sidang media selepas sesi hari pertama perhimpunan agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Media asing mengajukan pelbagai soalan kepada Dr Mahathir semasa sidang media itu berhubung perhimpunan agung Umno, pembangkang dan juga bila beliau akan bersara.

Menyuarakan rasa kecewanya terhadap sebahagian besar stesen televisyen asing, Perdana Menteri berkata mereka tidak membantu kerana tidak memberitahu pelanggan-pelanggan mereka apa yang benar.

Beliau berkata apabila media berbohong, orang tidak akan datang ke Malaysia dan tidak akan melabur dan akhirnya rugi.

Sementara itu, seorang wartawan asing menanya Perdana Menteri bila beliau akan bersara selepas berkuasa selama 20 tahun.

Dr Mahathir menjawab ia bukan semata-mata berdasarkan pada keputusan beliau sahaja kerana jika mengikut kemahuannya beliau sepatutnya berundur pada 1998, tetapi keadaan tidak membenarkan beliau berbuat demikian.

Beliau berkata ada orang yang suka melihat beliau hilang begitu sahaja tetapi yang lain bertegas beliau perlu terus berada seperti yang dapat dilihat daripada sokongan yang diberikan semasa perbincangan hari ini.

"Oleh sebab itu, saya perlu cari masa yang sesuai untuk berundur. Saya mahu berundur untuk memuaskan hati pencela asing tetapi ia bukan mudah untuk berbuat demikian kerana anda mempunyai tanggungjawab," kata beliau lagi.

Mengenai sama ada, beliau akan bertanding dalam pilihan raya akan datang Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu. Saya mungkin sakit, Saya sudah meninggal dunia, saya mungkin tidak lagi diterima oleh parti, saya tidak tahu," kata beliau.

Kepada satu soalan sama ada pengunduran Tun Daim Zainuddin daripada arena politik akan melihat perubahan dalam syarikat-syarikat yang dikaitkan dengan Umno seperti United Engineers (M) Bhd (UEM) dan Renong Bhd, beliau berkata, "Saya tidak lihat mereka dikaitkan dengan Umno. Tetapi Umno berhak membeli saham-saham seperti juga mereka yang lain."

-- BERNAMA

SHO ZS PR